



JABATAN PELESENAN
BORANG SENARAI SEMAK
PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN
NO TELEFON: 03-6064 1331 FAX: 03-6064 3991

MPHS/SS/001

NO. FAIL :

--	--	--	--	--	--	--	--

 (*untuk kegunaan pejabat)

1. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas.
2. Potong mana yang tidak berkaitan*.
3. Tandakan (/) dalam kotak berkenaan.
4. Sila susun dokumen mengikut turutan dan tuliskan nombor di sebelah kanan atas dokumen tersebut.


5. PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA DITERIMA UNTUK DIPROSES

Bil	Butiran	Bilangan Dokumen	SEMAKAN			
			1	2	3	4
1	Borang permohonan yang lengkap diisi dengan HURUF BESAR (borang penuh original sila pulangkan)	4 salinan (m/s 5,6,7)				
2	Salinan kad pengenalan pemohon.	1 salinan				
3	a) Memorandum dan Perkara Persatuan bagi b) Borang 24 c) Borang 49 Atau a) Sijil Pendaftaran Perniagaan b) Maklumat Pemilik c) Maklumat Perniagaan	Bagi SSM Sdn. Bhd. Alamat SSM perlu sama dengan alamat premis) Bagi SSM Enterprise (Alamat SSM perlu sama dengan alamat premis)	1 salinan			
4	Pelan Lokasi (Google Maps / Lukisan Komputer)	4 salinan				
5	Gambar premis dari jarak jauh - 1 sisi depan - 1 sisi belakang - 4 sudut berbeza dalam bangunan	WAJIB!!! <ul style="list-style-type: none"> • BERWARNA • LETAKKAN EMPAT GAMBAR DI DALAM SATU A4 (PELBAGAI SISI DAN SUDUT YANG DIMINTA) • BERTARIKH TERKINI (2 Minggu Sebelum permohonan diterima) - Menggunakan Aplikasi Timestamp (download melalui playstore / app store)	4 salinan			
6	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF)	2 salinan				
7	a) Salinan surat perjanjian sewa yang telah DISTAMPING, ATAU b) Salinan kebenaran tuan bangunan yang telah diperakui oleh Pesuruhjaya Sumpah/Commissioner of Oath.	Jika bangunan sewa	1 salinan			
8	a) Salinan Geran ATAU b) Salinan 'Sales And Purchase Agreement'	2 salinan				
9	Salinan resit cukai taksiran terkini (sudah berbayar)	1 salinan				
10	Sijil kelulusan Dewan Bahasa dan Pustaka. - sekiranya mempunyai papan tanda dan kedudukan tempat pemasangan iklan premis	1 salinan				
11	Resit bayaran kelulusan ubah suai bangunan ATAU permit bangunan sementara	Jika terdapat ' <i>partition</i> ' atau pengubahsuaian bangunan	2 salinan			
12	Pelekat pembelian Pemadam Api	<ul style="list-style-type: none"> • Belum tamat tempoh • Wajib alamat premis 	1 salinan			
13	a) Surat Wakil b) Salinan kad pengenalan wakil	Jika bukan pemohon lesen yang hadir	1 salinan			
TARIKH SEMAKAN						

DOKUMEN TAMBAHAN (JIKA BERKAITAN)

Bil	Butiran	Bilangan Dokumen	SEMAKAN			
			1	2	3	4
14	<p><i>*Pemohon perlu mengemukakan senarai pekerja yang lengkap dengan jenis tugas yang disandang. Cth :- Tukang Masak, Pelayan dan lain – lain.</i></p> <p>a) Salinan Sijil Suntikan TY2 (Pemohon & pekerja)</p> <p>b) Salinan Sijil Kursus pengendalian makanan(pemohon & pekerja)</p> <p>c) Sijil Pendaftaran Premis Makanan daripada KKM (Fosim – yang mempunyai alamat premis yang dipohon)</p> <p>d) Gambar pemasangan dan resit (bukti) pembelian alat penapis minyak</p> <p>e) Salinan I/C pekerja</p>	<p>UNTUK PREMIS MAKANAN</p> <p>2 salinan</p>				
15	<p>(Salun rambut, Gunting rambut, Spa, Refleksologi, Pusat Hemodialisis dll)</p> <p>a)Pengesahan kesihatan bagi pengusaha dan pekerja daripada pengamal perubatan yang diiktiraf</p> <p>b)Surat perakuan kelulusan / menyenggara Pusat Hemodialisis dari KKM</p>	<p>PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN</p> <p>1 Salinan</p>				
16	<p>Surat sokongan Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Jabatan Kesihatan Negeri</p>	<p>PRODUK KESIHATAN</p> <p>1 salinan</p>				
17	<p>a) Salinan Sijil Pendaftaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri / Kementerian Pendidikan bagi tadika / pusat tuisyen / pusat pengajian</p> <p>b) Salinan Perakuan pendaftaran sementara daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi taska / pusat jagaan .</p> <p>*Sekiranya ada penyediaan makanan, sila sertakan dokumen seperti di nombor 14.</p>	<p>TASKA / TADIKA / NURSERI PUSAT JAGAAN PUSAT PENGAJIAN PUSAT TUISYEN</p> <p>2 salinan</p>				
18	<p>a) Surat lantikan kontraktor pengurusan pembuangan sisa - sisa pepejal/sampah.</p> <p>b) Kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (bagi aktiviti yang menghasilkan sisa buangan/ kitar semula/jenis plastik yang dihasilkan/ bahan kimia / getah / kayu / kaca / pemprosesan logam)</p> <p>c) Kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia</p> <p>d) Perakuan Mesin Jentera daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)</p> <p>e) Tambahan dokumen sokongan mengikut aktiviti perkilangan</p>	<p>PERUSAHAAN / PERINDUSTRIAN / PERKILANGAN</p> <p>2 salinan</p>				

DOKUMEN TAMBAHAN (JIKA BERKAITAN)

Bil	Butiran	Bilangan Dokumen	SEMAKAN			
			1	2	3	4
19	<p>a) Salinan lesen gas persendirian (PGL) oleh Suruhanjaya Tenaga</p> <p style="text-align: right;">} DOBI / HOSPITAL / KLINIK / PUSAT MEMBELI BELAH <input type="checkbox"/> YA (sertakan) <input type="checkbox"/> TIDAK</p>	1 salinan				
20	<p>a) Gambar pemasangan alat penapis minyak (beserta Timestamp) di premis</p> <p>b) Salinan resit (bukti) pembelian alat penapis minyak</p> <p style="text-align: right;">} PREMIS CUCIAN KENDERAAN</p> <p>Garis panduan pengurusan premis cucian kenderaan adalah seperti berikut :</p> 	2 salinan				

PERCUMA
(Dalam Talian Sahaja)
MPHS/JP/001



BORANG KOMPOSIT PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

*SILA ISI BORANG DENGAN MENGGUNAKAN HURUF BESAR

BAHAGIAN 1 : DATA PERIBADI PEMOHON / SYARIKAT

1. Nama Pemohon :
Lesen
2. No. Kad Pengenalan :
/ Passport
3. Warganegara : Ya Tidak Nyatakan : _____
4. Nama Syarikat / Perniagaan :
yang Didaftarkan (SSM) /
Badan Profesional
berkaitan
5. Alamat Surat Menyurat :
6. No. Telefon :
7. No. Faks :
8. Alamat emel(wajib) :
9. No. Pendaftaran :
Perniagaan / Syarikat
10. Status Bangunan : Kekal Separuh Kekal Sementara
11. Jenis Bangunan : Rumah Kedai / Kedai Pejabat
 Kompleks Beli Belah
 Kilang, Bengkel, Hotel
 SOHO
 SOFO
 Komplek Pembangunan Bercampur
 Lain-lain. Nyatakan : _____
12. Ubahsuai kepada bangunan : Ada
 Tiada



BAHAGIAN 2 : DATA AKTIVITI PERNIAGAAN

1. Alamat Premis Perniagaan

Nombor Lot : _____

Nama Jalan : _____

Nama Kawasan : _____

Poskod : _____ Bandar : _____

Negeri : _____

2. Jenis Aktiviti Perniagaan yang dijalankan

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN DIJALANKAN	UNIT	TINGKAT	Keluasan Premis (meter persegi)

3. Maklumat tambahan jika melibatkan aktiviti perniagaan berikut:

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN LAIN YANG DIJALANKAN	*Unit / Bilangan
1	Kedai Gunting	Bil Kerusi :
2	Hotel	Bil Bilik :
3	Stesen Minyak	Bil Liter Isipadu :
4	Tempat Letak Kereta	Bil Petak :
5	Pusat Siber	Bil Komputer :
6	Panggung	Bil Kerusi :

4. Maklumat Jumlah Pekerja

1. Jumlah Pekerja Warganegara
2. Jumlah Pekerja Bukan Warganegara
3. Jumlah Pekerja Lelaki
4. Jumlah Pekerja Wanita

BAHAGIAN 3 : LESEN PAPAN IKLAN PREMIS



1. BUTIR – BUTIR IKLAN

BIL	UKURAN (METER)			BIL UNIT	BIL MUKA	BERLAMPU / TIDAK BERLAMPU		CARA PAMERKAN (T) TEGAK (M) MELINTANG (A) MENGUNJUR			LOKASI PEMASANGAN IKLAN			
	PANJANG	LEBAR	LUAS			YA	TIDAK	T	M	A	DEPAN KEDAI	SISI KEDAI	TEPI JALAN	

*Sila lampirkan senarai dalam satu kertas yang lain sekiranya ruang tidak mencukupi

BAHAGIAN 4 : PERAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya mengaku
(nama pemohon lesen)

Dan mengesahkan bahawa :

- i. Segala maklumat yang diberi adalah benar
- ii. Aktiviti perniagaan tidak akan diubah atau ditambah tanpa kebenaran majlis
- iii. Memaklumkan kepada PBT sekiranya aktiviti perniagaan diubah, ditambah, tamat atau berpindah
- iv. TIDAK menjalankan sebarang aktiviti yang menyalahi syarat lesen yang dikeluarkan oleh Majlis
- v. Mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh PBT dan pihak berkuasa yang berkaitan.

Jika ingkar, lesen saya boleh dibatalkan dan dikenakan tindakan perundangan mengikut peruntukan undang – undang yang dikuatkuasa.

.....
(TANDATANGAN PEMOHON LESEN)

Tarikh :

.....
Cap Syarikat (Jika Ada)

LESEN PREMIS PERNIAGAAN : SYARAT-SYARAT AM PEMATUHAN

1. Lesen premis perniagaan hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan ditunjukkan kepada mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa apabila diminta berbuat demikian.
2. Lesen Premis Perniagaan yang telah diluluskan tidak boleh dipindah milik tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Majlis. Pertukaran pemegang lesen atau nama syarikat yang baru perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tukar nama kepada Majlis.
3. Memastikan cukai taksiran yang dikenakan oleh Majlis dibayar serta mematuhi segala syarat-syarat penggunaan bangunan yang berkaitan.
4. Premis perniagaan tidak boleh digunakan sebagai penginapan persendirian.
5. Pemegang lesen tidak dibenarkan menukar atau menambah aktiviti perniagaan yang telah dilesenkan tanpa kebenaran Majlis. Sebarang pertukaran atau penambahan aktiviti perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tambah atau tukar aktiviti kepada Majlis.
6. Pihak berkuasa melesen boleh memasuki atau memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau percaya dengan munasabah premis yang digunakan bagi maksud tred, perniagaan dan perindustrian.
7. Lesen berkuatkuasa dari tarikh pembayaran lesen sehingga tarikh tamat lesen yang tercatat pada lesen perniagaan.
8. **PENALTI/TINDAKAN PERUNDANGAN** akan dikenakan kepada seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang.
9. Sebarang aktiviti membuat dan memproses hanya boleh dijalankan di premis yang berstatus industri atau kilang sahaja.
10. Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat percahayaan dan pengudaraan yang mencukupi di premis perniagaan.
11. Memperolehi Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Sijil Perakuan Pematuhan (CCC) dan disahkan selamat untuk aktiviti perniagaan.
12. Premis yang diubahsuai hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Bangunan PBT berkaitan aktiviti perniagaan yang dijalankan dan sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan peraturan-peraturan lain yang berkenaan.
13. Menyediakan alat pemadam api yang tidak tamat tempoh.
14. Menyediakan kotak pertolongan cemas yang sentiasa dilengkapi dengan ubat-ubatan dan tidak tamat tempoh.
15. Dilarang menyimpan haiwan terniar atau haiwan perliharaan di dalam premis perniagaan.
16. Menyediakan kemudahan tandas yang berkeadaan baik dan bersesuaian mengikut keperluan serta kebersihannya perlu sentiasa dijaga.
17. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan bertutup.



18. Menjaga dan memastikan sistem perparitan dan saluran berfungsi dengan sempurna.
19. Semua bahan-bahan yang tidak digunakan perlu diuruskan dengan baik dan dibuang ditempat yang dibenarkan sahaja.
20. Mengamalkan amalan pengasingan sampah (3R).
21. Memastikan sebarang efluen atau kumbahan disalurkan melalui alat perangkap sisa makanan / minyak yang disediakan sebelum disalurkan ke saluran kumbahan atau tangki najis. Alat tersebut perlu sentiasa diselenggara dan berfungsi dengan sempurna pada setiap masa operasi perniagaan dijalankan.
22. Dilarang mengamalkan pembakaran terbuka untuk habuk-habuk kayu dan menyebabkan pencemaran alam sekitar dan kacau ganggu awam.
23. Kebersihan premis dan kawasan sekeliling hendaklah sentiasa dijaga dan tidak memberi kacau ganggu kepada mesyarakat setempat.
24. Dilarang meletakkan barang-barang atau benda-benda lain untuk jualan di laluan awam kecuali mendapat kelulusan dari Majlis.
25. Dilarang menghalang jalan-jalan sisi / lorong belakang dan tepi jalan.
26. Halangan atau rintangan di pintu masuk / pintu keluar tidak dibenarkan. Tidak dibenarkan membuat apa-apa sambungan binaan diluar dari premis asal atau binaan yang menutup longkang tanpa kebenaran Majlis.
27. Sekiranya terdapat ubahsuai yang melibatkan sekatan dinding, awning, 'ramp' dan pecahan dinding hendaklah mendapat kelulusan Masjlis.
28. Sekiranya terdapat ubahsuai yang melibatkan binaan penutup longkang pemilik premis hendaklah mendapat kelulusan Majlis dengan membina 'Ms Grating' untuk memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan. Menutup keseluruhan longkang adalah tidak dibenarkan.
29. Perlu memperbaharui kelulusan Kebenaran Merancang 3 bulan sebelum tamat tempoh bagi premis yang melibatkan perubahan material (jika berkaitan).
30. **TINDAKAN PENGUATKUASAAN** akan diambil terhadap **pemegang lesen** yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.



SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN PENYEDIAAN & PENGENDALIAN MAKANAN

1. Semua pengendali makanan dan pekerja diwajibkan menghadiri Kursus Pengendalian Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis dan mendapatkan suntikan pelalian TY2.
2. Aktiviti perniagaan berkaitan makanan yang dijalankan hendaklah terletak di kawasan yang dibenarkan oleh Majlis.
3. Bilangan dan kedudukan gerai di dalam sesebuah premis makanan hendaklah sebagaimana yang diluluskan oleh pihak Majlis.
4. Hendaklah memohon permit daripada Majlis bagi meletak kerusi meja di luar premis yang terhad hanya di luar sahaja. Kelulusan hanya untuk kegunaan pelanggan sahaja.
5. Menjadi tanggungjawab untuk memastikan sijil pengredan premis makanan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat oleh pelanggan. Kegagalan mendapat penarafan gred minima yang ditetapkan boleh mengakibatkan **TINDAKAN PENUTUPAN** aktiviti perniagaan oleh pihak Majlis.
6. Dinding di seluruh kawasan premis hendaklah dipasang dengan jubin atau apa-apa bahan lain yang mudah dibersihkan sekurang-kurangnya 1.5 meter dari paras lantai.
7. Lantai di seluruh kawasan premis hendaklah dipasang dengan jubin atau apa-apa bahan api yang mudah dibersihkan dan dari jenis 'non-slip'.
8. Dilarang melakukan sebarang aktiviti mencuci atau memasak di luar premis perniagaan.
9. Gerai-gerai, rak makanan, dan peralatan tidak dibenarkan diletak atau disimpan di lorong belakang, siarkaki atau lorong tepi premis.
10. Pemilik premis makanan hendaklah menyediakan 'exhaust fan' yang bersesuaian dan mencukupi serta mematuhi syarat-syarat dan keperluan teknikal yang ditetapkan oleh Majlis. Corong asap tidak dibenarkan dipasang mengarah ke bawah atau ke dalam longkang.
11. Mengadakan stor yang mencukupi untuk penyimpanan bahan mentah yang kering hendaklah di atas rak bertingkat supaya bahagian bawah rak bertingkat bebas dari paras lantai.
12. Premis makanan dan stor hendaklah bebas dari urungan lalat/lipas/tikus dan serangga dan binatang yang seumpamanya.
13. Semua premis makanan hendaklah melantik satu syarikat kawalan serangga perosak ('Pest Control') yang bertanggungjawab melakukan kerja-kerja kawalan supaya dapat mencegah pembiakan dan premis sentiasa bebas dari urungan lalat/lipas/tikus dan serangga atau pun hendaklah menyediakan jadual rawatan pencegahan lalat/lipas/tikus dan serangga.
14. Mengemukakan Sijil Pest Control untuk semakan dan pemeriksaan.
15. Mengadakan kemudahan tandas yang mencukupi. Tandas hendaklah dijaga supaya sentiasa dalam keadaan bersih dan tidak berbau busuk. Tandas juga hendaklah dilengkapi kemudahan mencuci tangan serta menyediakan kemudahan berikut :
 - Bekalan sabun
 - Tisu



- Tong sampah bertutup
 - Pewangi
16. Mengadakan sinki cuci tangan dengan bekalan sabun dan tisu untuk kegunaan pelanggan.
 17. Mengadakan tong sampah bertutup yang mencukupi. Sampah dan sisa makanan hendaklah diisi ke dalam beg plastik yang diletak ke dalam tong sampah supaya tidak bersepah di kawasan premis.
 18. Dilarang membuang sampah dan sisa makanan ke atas lantai atau ke dalam longkang.
 19. Dilarang membuang sisa makanan dan sisa minyak ke dalam saluran perparitan awam. Perlu memasang alat perangkap sisa makanan & minyak (grease trap) yang menepati standard dan piawaian yang ditetapkan oleh Majlis.
 20. Pemegang lesen dilarang mengambil pekerja dari rakyat asing atau bukan warganegara kecuali mendapat kebenaran daripada Jabatan Imigresen. Pekerja asing ini perlu mendapatkan dan suntikan pelalian TY2 sijil terkini semasa permohonan / pembaharuan lesen.
 21. Semua pengendali makanan dan pekerja hendaklah sentiasa berpakaian bersih dan kemas, memakai apron, topi dan berkasut.
 22. Semua pengendali makanan dan pekerja perlu menjaga kebersihan diri seperti memotong kuku, berambut pendek (lelaki) dan perempuan sekiranya panjang perlu diikat kemas.
 23. Pengusaha premis makanan hendaklah mengadakan jadual pembersihan. **Bagi restoran yang beroperasi 24 jam perlu menutup premis selama 6 jam seminggu atau yang ditetapkan oleh pihak Majlis untuk tujuan pembersihan dan penyelenggaraan.**

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN / PERINDUSTRIAN / BENGKEL / KEJURUTERAAN

1. Memastikan pengusaha kantin mematuhi syarat dan peraturan bagi Premis Perniagaan Penyediaan Makanan.
2. Memastikan bahan-bahan atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertutup.
3. Memastikan semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah kebocoran bahan-bahan berbahaya.
4. Mematuhi syarat-syarat Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan, Alam Sekitar (Agensi Teknikal)
5. Penggunaan 'ramp' mudah alih adalah dibenarkan dan perlu mengemukakan permohonan kepada Jabatan Bangunan.
6. Penyewaan petak letak kereta khas dibenarkan mengikut kelulusan Majlis.
7. Aktiviti pemunggaan hendaklah tidak menghalang lalulintas dan dijalankan di lorong belakang.
8. Lantai hendaklah berkonkrit, kuat dan disudahi dengan bahan kalis air yang senang dicuci, tidak licin (non-slip) seperti epoxy, lantai jubin, floor hardener dan bahan yang sama jenisnya.
9. Dinding dalam stor premis hendaklah disudahi dengan bahan kalis air yang senang dicuci.
10. Barang bukan makanan (jika ada) tidak dibenarkan disimpan / distorkan di tempat yang sama dengan makanan / minuman. Simpanan / pengestoran bahan kimia / toksid dan lain-lain bahan yang bahaya atau boleh mencemarkan makanan dan minuman tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam gudang makanan / minuman.
11. Semua barang-barang gudang hendaklah disusun dengan kemas, teratur, bersih dan selamat di atas rak-rak daripada bahan yang tidak mudah berkarat, plastik yang tahan lama atau pallet kayu yang kuat dan senang dibersihkan.
12. Bahan makanan dan minuman di gudang tidak boleh terdedah dan hendaklah dibungkus di dalam bungkusan seperti kotak, tin, botol, beg plastik dan sebagainya yang sempurna dan bersih atau dengan bahan yang tidak boleh mencemarkan makanan / minuman.
13. Bagi gudang atau stor yang menyimpan bahan-bahan makanan dan minuman perlu mengemukakan Sijil Pest Control terkini semasa pemeriksaan.
14. Bahan-bahan simpanan merbahaya atau berjadual perlulah mendapat kelulusan daripada agensi-agensi berkaitan.
15. Gudang makanan / minuman hanya untuk simpanan / pengstoran bahan makanan dan minuman.



SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT HIBURAN – KELAB MALAM / PUB / DISKO/ PUSAT ISTIREHAT / PUSAT HIBURAN KELUARGA / KARAOKE / PUSAT SNOOKER

1. Semua Pusat Hiburan hendaklah menghadkan operasi sehingga jam 12.00 tengah malam atau masa yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Lesen Hiburan dan Majlis.
2. Pengunjung di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan memasuki mana-mana Pusat Hiburan Keluarga dan perlu disertai ibu bapa atau penjaga yang sah.
3. Mematuhi semua syarat-syarat di dalam Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1995 Dan Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan yang berkaitan.
4. Pegawai Pelesen boleh membatalkan lesen ini pada bila-bila masa jika berlaku mana-mana pelanggaran syarat atau sekatan lesen ini atau mana-mana peruntukan Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan atau mana-mana peraturan yang berkaitan dibuat di bawahnya.
5. Tiada hiburan berbentuk lucah atau ganas boleh diadakan di tempat hiburan.
6. Tidak dibenarkan mana-mana orang membawa masuk, mengedar, menjual, mengambil, atau menghisap dadah atau bahan terlarang di tempat hiburan.
7. Tiada bir atau minuman yang memabukkan dihidangkan atau diminum di dalam tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.
8. Memastikan tiada sebarang pertaruhan, loteri atau perjudian diadakan.
9. Tidak dibenarkan mana-mana orang membawa apa-apa senjata dalam apa bentuk di dalam tempat hiburan.
10. Pusat hiburan mestilah menutup tempat kepada semua pelanggan dan menamatkan segala aktiviti termasuk aktiviti jualan minuman, makanan dan muzik tepat pada masa tutup yang ditetapkan.
12. Notis hendaklah dipamerkan di pintu masuk sebelah luar Contoh Notis “Orang yang berumur di bawah 18 tahun dilarang masuk”.
13. Pusat karaoke yang mempunyai bilik-bilik khas atau sekatan-sekatan di dalamnya perlu mendapat kelulusan pengubahsuaian dari Jabatan Bangunan, pintu hendaklah mempunyai cermin yang mempunyai tahap ketelusan cahaya lebih 70%. Pintu tidak boleh berkunci sepanjang masa beroperasi.
14. Jarak kedudukan premis mestilah di kawasan yang telah di zonkan dan kurang dari 300 meter dari sekolah, institusi pendidikan, kawasan perumahan, institusi agama, kompleks kerajaan atau lain-lain kawasan yang dianggap sensitif oleh Majlis.
15. Tiada Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) dibenarkan di dalam premis hiburan dan semua pencahayaan mestilah ditutup pada waktu operasi tamat serta lain-lain sekatan dan syarat yang dikemukakan oleh pihak Majlis dari masa ke semasa.
16. Pusat Snooker tidak dibenarkan beroperasi di tingkat atas.



SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT RAWATAN KECANTIKAN

1. Memastikan perkakas dan alatan sentiasa dicuci dan direndam dalam 'disinfecting solution'.
2. Pengusaha dan pekerja terlibat wajib menjalani ujian saringan HIV oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut dan semua pekerja yang memberi rawatan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan.
3. Pemeriksaan kesihatan perlu dijalankan pada setiap tahun.
4. Pekerja hendaklah berpakaian seragam dan bersih, sopan dan tidak mencolok mata.
5. Semua pekerja-perkerja hendaklah memakai tag nama.
6. Tidak dibenarkan memasak atau membawa masuk makanan kecuali di tempat khas yang disediakan.



SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN – PUSAT URUT & REFLEKSOLOGI

1. Dinding hadang premis dan pintu masuk premis hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, poster, 'tinted' atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan. Pintu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
2. Pusat Penjagaan Kesihatan hendaklah berkonsep terbuka. Walaubagaimanapun, pemegang lesen dibenarkan memasang tirai yang berukuran 2 kaki dari paras lantai dan tinggi tidak melebihi 6 kaki kecuali mendapat kelulusan Majlis.
3. Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (partition) sama ada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (gypsum board).
4. Bagi urut refleksologi hanya dibenarkan meletakkan kerusi urut sahaja.
5. Pemegang lesen dilarang mempamerkan bahan lucah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa ditempat yang mudah dilihat di luar premis.
6. Lokasi premis hendaklah berada di kawasan yang telah dizonkan dan sekurang-kurangnya 300 meter daripada kawasan sensitif iaitu rumah kediaman, rumah ibadat, sekolah, institusi pendidikan dan pejabat kerajaan.
7. Rekod yang mengandungi nama, no. kad pengenalan/passport, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
8. Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil pekerja berumur di bawah 18 tahun.
9. Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil tukang urut berumur di bawah 21 tahun.
10. Pekerja yang memberi rawatan urutan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan.
11. Pengusaha dan pekerja terlibat wajib menjalani ujian saringan HIV oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut.
12. Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak mencolok mata.
13. Semua pekerja-pekerja hendaklah memakai tag nama.
14. **Tukang urut wanita hanya dibenarkan mengurut pelanggan wanita dan tukang urut lelaki hanya dibenarkan mengurut pelanggan lelaki. (bagi pelanggan yang beragama Islam).**



SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN – BUKAN PUSAT URUT

1. Dinding hadapan premis dan pintu masuk premis pusat penjagaan kesihatan hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, poster, 'tinted' atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan. Pintu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
2. Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (partition) sama ada bentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (gypsum board). Walaubagaimanapun, partition boleh dipertimbangkan dengan syarat terdapat kelulusan pihak Majlis.
3. Reka bentuk bilik rawatan hendaklah mengikut konsep terbuka dan mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.
4. Pemegang lesen dilarang mempamerkan bahan lucah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa ditempat yang mudah dilihat di luar rumah urut.
5. Satu buku daftar yang mengandungi nama, no. kad pengenalan/passport, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
6. Pekerja yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkan.
7. Pekerja yang memberi rawatan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan yang diiktiraf.
8. Pengusaha dan pekerja terlibat wajib menjalani ujian saringan HIV oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut.
9. Pekerja hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak mencolok mata.
10. Semua pekerja-pekerja hendaklah memakai tag nama.



SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT SIBER & KAFE SIBER

1. Semua pusat siber & kafe siber hendaklah menghadkan operasi sehingga jam 12.00 tengah malam.
2. Pusat siber / kafe siber hanya dibuka kepada pengunjung berumur 12 tahun ke atas. Walaubagaimanapun mereka yang berumur 12 tahun ke bawah dibenarkan mengunjungi pusat siber / kafe siber dengan ditemani oleh ibu bapa / penjaga.
3. Pengunjung yang berumur 12 tahun ke bawah hanya dibenarkan berada di dalam premis sehingga pukul 10.00 malam sahaja.
4. Dilarang membenarkan pelajar yang memakai pakaian seragam sekolah berada di dalam premis.
5. Premis perlulah terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang.
6. Dilarang menggunakan cermin gelap dan perlu berada ditingkat bawah sahaja.
7. Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali.
8. Tidak dibenarkan menjalankan kegiatan / aktiviti yang menyalahi peraturan seperti perjudian, muat turun bahan lucah, aktiviti berbentuk hiburan dan lain-lain.
9. Tidak menimbulkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat.
10. Pemilik lesen tidak dibenarkan menggajikan pekerja warga asing.



SYARAT & PERATURAN BAGI KELULUSAN IKLAN PREMIS

1. Permohonan untuk lesen iklan premis hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan Majlis dan syarat-syarat yang berkaitan.
2. Iklan atau papan tanda tidak boleh dipasangkan sebelum lesen diperolehi.
3. Pemohon hendaklah mengemukakan 1 set visual yang berwarna dengan saiz kertas A4 dan mengikut format ditetapkan seperti berikut :
 - a. Ilustrasi terperinci iklan yang menunjukkan
 - i. Ukuran Papan tanda (Unit Meter)
 - ii. Menyatakan aktiviti dalam Bahasa Malaysia
 - iii. Nama syarikat dan no. pendaftaran syarikat di sudut bawah sebelah kanan
 - iv. Nyatakan sama ada iklan bercahaya atau tidak
 - v. Bilangan sisi / muka (perlu mendapat kebenaran jiran sebelah)
 - b. Gambar kedudukan iklan
 - c. Pelan lokasi di mana iklan akan dipasang
 - d. Nama dan tandatangan pemohon
 - e. Cop Perniagaan
4. Permit struktur daripada Jabatan Bangunan PBT jika iklan yang didirikan mempunyai struktur hingga ke bumbung bangunan. Iklan yang menutup tingkap dan bersaiz besar adalah dibenarkan dengan kelulusan pihak Jabatan Bomba Malaysia.
5. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan bahasa-bahasa lain. Jika Bahasa Malaysia digunakan bersama bahasa lain, perkataan dalam Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar daripada bahasa lain, diutamakan dari segi kedudukan, digunakan dalam nahu yang betul dan perkataan tersebut mestilah mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu. Pengesahan 'online' boleh dipengaruhi melalui laman web <http://www.dbp.gov.my>
6. Penggunaan tulisan bahasa asing yang lain selain daripada Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil adalah tidak dibenarkan sama sekali. Penggunaan tulisan jawi adalah digalakkan.
7. Hanya Bahasa yang digunakan oleh kaum dan etnik Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sahaja yang boleh dipaparkan pada iklan yang dipasang.
8. Hanya nama sesuatu firma, syarikat atau persatuan sebagaimana yang didaftarkan adalah terdiri dari atau termasuk perkataan yang bukan dalam Bahasa Malaysia, adalah tidak perlu untuk menterjemahkan perkataan-perkataan itu ke dalam Bahasa Kebangsaan.
9. Tiada seorang pun boleh menggunakan di mana-mana bahagian iklan apa-apa perkataan "Halal", "Ditanggung Halal" atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan atau minuman yang dimaksudkan oleh iklan itu telah diproses, dimasak atau dibuat dengan cara yang diluluskan oleh JAKIM.